



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# **CONFERENCE PROCEEDING**

## **ICITSBE 2012**

**1<sup>ST</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION  
AND TECHNOLOGY FOR  
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

**16 -17 April 2012**



Organized by:  
Office of Research and Industrial  
Community And Alumni Networking  
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia  
[www.perak.uitm.edu.my](http://www.perak.uitm.edu.my)

PAPER CODE: DA 27

## CADANGAN ADAPTASI CIRI-CIRI SENI SERAMIK KONTEMPORARI JEPUN UNTUK PENINGKATAN KUALITI REKA BENTUK INDUSTRI SERAMIK DI MALAYSIA

Siti Maryam Ali Yasin<sup>1</sup> dan Zulkarnian Hassan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia, sitim645@perak.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia, zulka246@perak.uitm.edu.my

### Abstrak

*Bidang seramik di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu penghasilan produk seramik industri (mass production) dan seramik studio iaitu seni kraf. Kedua bidang ini perlu bergerak seiring dalam mempelbagaikan produk dan kualiti hasilan seramik. Sebagai contoh, pasaran seramik industri dan seramik kraf di Jepun berjaya diketengahkan dengan kualiti rekabentuk yang menarik, asli dan inovatif. Mereka telah mengambil dan mempelajari kebudayaan dan seni tembikar tradisi kemudian menilai, mengembangkannya dan memberi suntikan baru terhadap rekabentuknya. Penulisan ini akan mengambil enam ciri atau karektor di dalam seni seramik kontemporari Jepun untuk dibincangkan. Ciri-ciri yang dikenalpasti adalah daripada aspek 1) Penggunaan warna-warna gemilang seperti warna emas dan perak dan warna-warna terang 'Ostentation' (The use of Ostentation Colours, Gold and Silver), 2) Pernyataan sifat semulajadi bahan 'Quiet Refinement' (The Natural Expression of the Material), 3) Gandingan bentuk dan warna yang nipis, teguh dan kukuh 'Crispness' (Strong Shapes and Colours), 4) Hasilan terperinci dan halus 'Fine Detail' (Elaborate Workmanship), 5) Kecantikan objek yang tidak bersifat simetri 'Deformation' (The Beauty of Unevenness) dan 6) Penggunaan imej atau motif flora dan fauna 'Flowers and Birds' (Ornamentation Based on Flower and Bird Motif). Adalah diharapkan penulisan ini akan memberikan idea kepada mereka yang terlibat dalam industri ini dari segi peningkatan rekabentuk baru bagi membantu pasaran seramik industri mahupun seramik kraf di Malaysia.*

**Kata kunci:** Seni seramik Kontemporari Jepun, kualiti reka bentuk dan industri seramik Malaysia.

### Abstract

*The field of ceramics in Malaysia is divided into two, namely the production of industrial ceramic products (mass production) and the craft of ceramics studio. The two fields must move together in order to produce a variety of products and to ensure the quality of ceramic products. For example, industrial ceramics and the ceramic craft in Japan were successfully marketed through quality craft designs that were interesting, original and innovative. They took and learn the cultural and traditional pottery and then evaluated, expanded and provided new impetus to the design. This article will use six styles or characters in the contemporary Japanese ceramic arts as a topic of discussion. Among the features identified are through the aspects of 1) 'Ostentation' (The use of Ostentation Colours, Gold and Silver), 2) 'Quiet Refinement' (The Natural Expression of the Material), 3) 'Crispness' (Strong Shapes and Colours), 4) 'Fine Detail' (Elaborate Workmanship), 5) 'Deformation' (The Beauty of Unevenness) and 6) 'Flowers and Birds' (Ornamentation Based on Flower and Bird Motif). It is hoped that this article will help in giving ideas to those engaged within the industry in terms of raising new designs so as to help the ceramic industry and crafts in Malaysia.*

**Keywords:** Contemporary Japanese Ceramic Art, the quality of design and Malaysian ceramics industry

## 1. Pengenalan

Jepun merupakan salah satu negara yang mempunyai populasi yang terbesar di dalam bidang dan kepakaran seramik. Mereka sentiasa melihat dan menghargai seramik sebagai sesuatu yang amat penting di dalam kehidupan dan kebudayaan mereka. Daripada syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk-produk komersial

untuk kegunaan harian, pengkarya seramik yang sentiasa mencari idea bereksperimentasi dengan tanah sehingga pengusaha seramik dengan teknik-teknik tradisi mereka, semuanya bergabung tenaga di dalam memartabatkan industri seramik sehingga dikenali di mata dunia. Bagi mengekalkan tradisi serta budaya seramik mereka pula, pelbagai pertandingan dan pameran sentiasa diadakan mengikut tema dan objektif masing-masing. Ini memberi peluang kepada masyarakat Jepun di dalam menghasilkan sesuatu produk dan karya yang baru di samping perkongsian idea dan pemahaman terhadap seramik. Penggunaan seramik tidak hanya terhad kepada barangan keperluan harian seperti pinggan mangkuk malah penggunaannya meluas digunakan di kawasan persekitaran mereka. Contohnya 'public sculpture' daripada seramik yang berfungsi sebagai nilai estetika mahupun yang berfungsi sebagai tempat duduk bagi orang ramai. Kerajaan juga memainkan peranan di dalam penyediaan muzium-muzium khas bagi produk dan karya seramik tradisional dan moden yang dapat dipertontonkan kepada generasi demi generasi. Merujuk kepada negara matahari terbit ini, kualiti reka bentuk sesuatu produk seramik terhasil daripada kecintaan dan perasaan hormat mereka terhadap kehidupan seharian yang amat berkait rapat dengan nilai-nilai keindahan, prinsip-prinsip dan amalan. Sebagai contoh, orang-orang Jepun telah mengambil tradisi seni tembikar mereka yang asas kemudian mempelajarinya dengan baik, memperhalusi dengan kemahiran serta teknik yang unggul dan menghasilkan produk serta karya yang bergerak selaras dengan kehidupan moden mereka. Intipati ini telah menjadikan pasaran seramik industri dan seramik kraf di Jepun berjaya diketengahkan dengan kualiti reka bentuk yang asli, menarik dan inovatif. Dari segi inovasi, syarikat-syarikat seramik di Jepun sentiasa mencari pembaharuan dan bersaing dalam meningkatkan kualiti dan pasaran barangan mereka. Contohnya penghasilan pinggan mangkuk yang tidak mudah pecah, kaedah pembakaran yang terkini dan penghasilan barangan seramik teknologi seperti pisau seramik. Pengkarya seramik pula mengenengahkan teknik-teknik pembuatan seramik yang memungkinkan sesuatu hasil karya yang baru itu tercapai dari segi penggunaan bahan, gerlis, pembakaran mahupun konsep yang ingin diketengahkan.

Di Malaysia, bidang seramik perlu diketengahkan dengan nilai-nilai, elemen-elemen dan ciri-ciri kontemporari tanpa meminggirkan ciri-ciri tradisi. Menurut Philip Yenawine (1995), aspek yang paling ketara di dalam seni kontemporari adalah karya yang dihasilkan oleh artis-artis yang menggunakan medium cat sehinggalah medium tanah liat, sentiasa berubah-ubah dan bergerak dengan pantas mengikut sesuatu peralihan seni, idea-idea baru dan berkaitan dengan teknologi semasa. Menurut Taku Kajiwara (1989), seni kontemporari Jepun amat berkait rapat dengan semangat mencintai dan memperbaharui pengetahuan tentang seramik melalui kajian sejarah. Ini termasuklah penghayatan dan rasa tanggungjawab terhadap mereka bentuk objek seramik, teknik yang digunapakai dan disesuaikan dengan budaya yang dapat memartabatkan seni seramik Jepun.

Di Malaysia, menurut Umi Baizurah (2009), seramik tidak dimanipulasikan dengan cara yang betul kerana di negara ini produknya sering tertumpu pada pembuatan pasu atau pinggan mangkuk. Sedangkan ia lebih daripada itu, ia umpama permata dari tanah yang boleh diolah mengikut emosi, penghargaan, persekitaran dan alam semulajadi. Salah satu cadangan bagi memajukan bidang seramik ini adalah dengan pengenalan kepada enam ciri atau karektor seni seramik kontemporari Jepun yang dapat memberi suntikan baru kepada reka bentuk seramik Malaysia. Ciri-ciri tersebut adalah 1) '*Ostentation*' penggunaan warna-warna yang gemilang seperti emas dan perak serta penggunaan warna-warna yang terang (*The use of Ostentation Colours, Gold and Silver*), 2) '*Quiet Refinement*' Pernyataan sifat semulajadi bahan (*The Natural Expression of the Material*), 3) '*Crispness*' Gandingan bentuk dan warna yang nipis, teguh dan kukuh (*Strong Shapes and Colours*), 4) '*Fine Detail*' Hasilan terperinci dan halus (*Elaborate Workmanship*), 5) '*Deformation*' Kecantikan objek yang tidak bersifat simetri (*The Beauty of Unevenness*) dan 6) '*Flowers and Birds*' Penggunaan imej atau motif flora dan fauna (*Ornamentation Based on Flower and Bird Motif*).

## 2. Ciri-ciri Seni Seramik Kontemporari Jepun

### 2.1 '*Ostentation*' Penggunaan Warna-warna gemilang seperti emas dan Perak serta Warna-warna Terang.

Salah satu ciri-ciri seni seramik kontemporari yang banyak digunapakai oleh orang-orang Jepun adalah penggabungan warna-warna gemilang seperti emas dan perak dengan warna-warna terang. Warna-warna terang yang menjadi tarikan bagi mereka adalah seperti merah terang, oren jingga, hijau gelap, biru terang dan warna-warna terang yang lain. Di dalam ciri '*ostentation*' ini, penggunaan warna-warna emas dan perak digunakan sebagai suatu keunikan dan keindahan sesuatu objek seramik yang dihasilkan. Selain daripada itu, kemahiran seseorang usahawan atau seramik artis dapat dilihat dengan teknik yang digunapakai di dalam memberi penghasilan warna emas dan perak yang menarik. Di dalam bidang seramik, penghasilan ini melibatkan teknik-teknik seperti aplikasi kepingan kertas emas atau silver (*gold or silver leaf technique*), taburan serbuk emas atau perak (*sprinkling of gold or silver dust technique*) dan lapisan garisan emas atau perak (*inlaying of lines of gold or silver*). Namun begitu, warna emas dan perak tidak berperanan hanya sebagai dekorasi yang memenuhi permukaan ke atas sesuatu objek seramik, ia menjangkau sensitiviti keindahan seramik yang mempamerkan kelembutan dan keseimbangan karya yang dihasilkan.



Gambarajah 1: Karya Kawaguchi Jun (2003)

Kawaguchi Jun merupakan seorang artis seramik yang menggunakan porselin di dalam menghasilkan produk atau karya seramik. Karya-karya beliau amat unik dengan penggunaan variasi warna-warna terang seperti merah jambu, kuning, biru dan hijau dan digabungkan dengan warna emas. Warna-warna ini dihasilkan dengan teknik 'onglaze' iaitu penggunaan warna-warna 'onglaze' seramik di atas permukaan bergerlis. Beliau menggunakan berus bagi menghasilkan reka corak seperti lingkaran 'spiral', titik-titik 'dots' dan garisan-garisan yang berlekuk-lekuk. Menurut Robert Yellin (1999), karya Kawaguchi sangat unik seperti gambaran-gambaran imej di dalam fiksyen sains. Penghasilan karya ini memcerminkan produk seramik yang kelihatan ceria seperti cahaya-cahaya di bandar-bandar kosmopolitan. Kepelbagaian perletakkan warna emas memperlihatkan ekspresi artis yang berani. Penggunaan teknik kepingan kertas berwarna perak di atas produk seramik dapat dijadikan inspirasi kepada penghasilan karya serta produk seramik di Malaysia dengan lebih menarik.

## 2.2 *'Quiet Refinement' Pernyataan sifat semulajadi bahan.*



Gambarajah 2: Karya Kuriki Akiyo (2007)

Kuriki Akiyo banyak menghasilkan karya-karya seramik yang berbentuk teko dengan tangkai tekonya daripada bahan alam semulajadi iaitu buluh yang dilembutkan. Karya beliau menampilkan penggunaan tanah yang dicampurkan dengan sesuatu bahan yang menjadikan karya tersebut berwarna gelap dan kelihatan seperti 'semi matt'. Rekabentuk karya ini bersifat 'simple' namun menampilkan sifat semulajadi bahan tanah liat tanpa bergerlis. Latarbelakang karya yang berwarna gelap telah disuaipadankan dengan pengulangan garisan menegak dan garisan bulatan yang berwarna putih. Jika dilihat daripada karya ini, orang-orang Melayu juga mempunyai tembikar-tembikar yang berbentuk bulat dan mempunyai penutup. Bentuk-bentuk tersebut diambil daripada pengamatan mereka terhadap alam semulajadi. Berlandaskan daripada pengalaman ini, di Malaysia penghasilan produk atau karya seramik dapat diterapkan dengan penggunaan tanah yang asli dicampurkan dengan bahan-bahan semulajadi seperti tanah-tanah berwarna yang terdapat di sekitar kediaman mahupun tanah-tanah sawah padi. Kajian eksperimen perlu dilakukan bagi menghasilkan karya atau produk yang unik.

2.3 *'Crispness' Gandingan bentuk dan warna yang nipis, teguh dan kukuh.*



Gambarajah 3: Karya Aoki Ryota (2008)

Aoki Ryota merupakan artis seramik yang gemar menggunakan porselin di dalam penghasilan karya atau produk beliau. Karya yang bertajuk 'bijoux' ini menampilkan kemahiran teknik seramik daripada penggunaan bahan porselin dan acuan daripada 'Plaster of Paris'. Setiap satu hasil yang keluar daripada acuan akan dipotong bentuk asalnya dan dicantumkan dengan hasil daripada acuan yang lain membentuk karya atau produk yang lebih anggun dan moden. Ia kelihatan seakan-akan mangkuk-mangkuk yang bercantum di antara satu sama lain. Penggunaan porselin di dalam sesuatu penghasilan objek seramik memerlukan kesabaran dan ketelitian yang tinggi. Pengenalan dan karektor tentang bahan porselin amat diperlukan bagi menghasilkan objek seramik yang diinginkan. Porselin yang terkenal dengan warna yang cerah dan putih sentiasa menjadi pilihan penggemar ciri 'crispness' di dalam penghasilan karya serta produk. Di Malaysia kebanyakan bahan porselin dibeli daripada negara-negara luar, cadangan bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran seramik, artis-artis seramik mahupun pengusaha dapat mengkaji dan mencipta formula bagi menghasilkan bahan porselin yang menepati citarasa mereka.

2.4 *'Fine Detail' Hasilan terperinci dan halus.*



Gambarajah 4: 'The Cosmos' Karya Ikeda Shoichi (2003)

Ikeda Shoichi merupakan Professor di dalam jurusan kejuruteraan kimia dan sains bahan. Bidang ini memberikan keistimewaan kepada Ikeda Shoichi dalam penciptaan karya-karya seramik daripada penggunaan hasil-hasil kajian beliau terhadap bahan-bahan seramik. Karya beliau yang dihasilkan pada tahun 2003 ini memberikan hasil ciptaan yang cukup halus dan terperinci. Teknik seramik yang dihasilkan oleh beliau menampilkan corak yang kelihatan seperti tekstil yang ditunen dengan benang-benang halus. Ciri 'fine detail' ini sebenarnya telah lama digunapakai oleh masyarakat Melayu yang menghasilkan tenunan mahupun seni tradisi tembikar dalam menghasilkan susunan corak-corak di atas permukaan kain mahupun badan objek

seramik. Kajian terhadap komposisi bahan seramik dapat memantapkan lagi hasil pengeluaran objek seramik yang inovatif.

2.5 *'Deformation' Kecantikan objek yang tidak bersifat simetri.*



Gambarajah 5: Karya Nakashima Harumi (2002)

Nakashima Harumi memberikan inspirasi baru terhadap karya seni kontemporari Jepun yang menggunakan teknik-teknik 'handbuilt' serta teknik yang menggunakan acuan daripada 'Plaster of Paris'. Teknik picitan digunakan untuk menghasilkan kepingan yang akan dicantumkan dengan gelembung-gelembung seperti bola daripada teknik 'press mould' menjadikan hasil karya yang cukup menarik. Karya beliau kelihatan bergerak dengan corak-corak bintik biru dalam kepelbagaian saiz. Penyusunan corak-corak berbintik dan bentuk-bentuk bulat pelbagai saiz membawa mata pemerhati melihat keseluruhan karya. Corak-corak tersebut dihasilkan menggunakan teknik 'ceramic decal' yang melalui tiga proses pembakaran. Setelah hasil karya digerlis 'ceramic decal' yang berwarna biru tadi diletak dan disusun menggunakan penyepit secara berhati-hati. Karya beliau menarik perhatian dengan perletakkan corak-corak bintik yang lebih kecil di kawasan yang dalam atau terpencil dan corak-corak bintik yang besar pula disusun di kawasan yang lebih terbuka iaitu di atas bentuk seperti bola. Prinsip reka bentuk seperti harmoni, kepelbagaian, pergerakan dan pengulangan memberikan keindahan estetika kepada karya Nakashima. Menurut Jonny (2011), Nakashima Harumi menghasilkan 'sculpture' yang berbentuk bebas dengan corak-corak 'polka dots'. Ciri *'Deformation'* ini amat menarik sekali sekiranya dapat diketengahkan di dalam penghasilan karya-karya seramik dengan menggunakan inspirasi imaginasi kehidupan serta suasana yang berlaku di Malaysia.

2.6 *'Flowers and Birds' Penggunaan imej atau motif flora dan fauna.*



Gambarajah 6: Karya Touen Dobashi (2007)

Karya Touen Dobashi menggunakan imej fauna burung dan bunga sebagai inspirasi di dalam penghasilan produk kotak yang berbentuk oktagon. Kotak yang berpenutup ini menampilkan imej-imej seakan-akan suasana kehidupan burung. Teknik 'marbling' daripada slip seramik digunakan bagi menghasilkan corak yang penuh di dalam dasar kotak dengan pemilihan warna yang agak terang iaitu merah dan kuning. Pemilihan warna ini berkemungkinan menjelaskan suasana pagi yang ceria. Teknik 'marbling' juga digunakan di dalam imej penghasilan burung dengan penggunaan warna biru, putih, hitam dan kuning. Manakala imej bunga-bunga pula, dihasilkan daripada teknik penggunaan berus ke atas 'leather hard clay'. Teknik 'marbling' banyak digunapakai di dalam penghasilan corak-corak yang berwarna-warni ke atas produk-produk serta karya seramik. Penggunaan motif flora dan fauna juga telah digunapakai di dalam penghasilan corak ke atas permukaan badan tembikar-tembikar tradisi. Ia dihasilkan dengan menggunakan teknik turihan dan teknik 'stamping' daripada kayu-kayu yang telah ditoreh dan dicorakkan. Kehalusan corak yang digunapakai dalam penghasilan reka corak seni tembikar tradisi dapat dijadikan inspirasi dengan penggabungan teknik 'marbling' serta teknik-teknik yang menghasilkan kepelbagaian warna-warna. Imej-imej flora dan fauna juga tidak hanya terhad kepada reka corak tradisi malah dapat ditonjolkan dengan suasana kehidupan flora dan fauna yang terdapat di Malaysia.

### 3. Kesimpulan

Kenam-enam ciri seni seramik kontemporari Jepun iaitu 1) 'Ostentation' penggunaan warna-warna yang gemilang seperti emas dan perak serta penggunaan warna-warna yang terang (*The use of Ostentation Colours, Gold and Silver*), 2) 'Quiet Refinement' Pernyataan sifat semulajadi bahan (*The Natural Expression of the Material*), 3) 'Crispness' Gandingan bentuk dan warna yang nipis, teguh dan kukuh (*Strong Shapes and Colours*), 4) 'Fine Detail' Hasil terperinci dan halus (*Elaborate Workmanship*), 5) 'Deformation' Kecantikan objek yang tidak bersifat simetri (*The Beauty of Unevenness*) dan 6) 'Flowers and Birds' Penggunaan imej atau motif flora dan fauna (*Ornamentation Based on Flower and Bird Motif*) adalah diharapkan dapat memberikan inspirasi atau idea baru di dalam industri seramik dan kraf di Malaysia. Kepakaran teknik, penggunaan bahan dan kualiti seramik perlu ditingkatkan dengan pengkajian yang lebih mendalam dalam menghasilkan produk atau karya yang lebih berkualiti tanpa meninggalkan usaha-usaha yang telah dilakukan dalam penghasilan seni tradisi tembikar melayu. Di dalam penghasilan tembikar tradisi itu sendiri, ciri-ciri yang telah dinyatakan di atas adakala telah terhasil namun suatu usaha yang berterusan dalam mempelbagaikan hasil seramik selaras dengan kehidupan moden dapat melahirkan sesuatu yang baru daripada bidang seramik di Malaysia. Ini termasuklah teknologi gabungan daripada bidang sains bahan yang dapat menghasilkan bahan tanpa batasan penggunaan teknik-teknik seramik. Pengusaha dan pengkarya seramik yang terlibat di dalam bidang ini perlu bekerjasama di dalam memartabatkan seni ini. Ia perlu bermula dengan membawa proses-proses yang kreatif, menjadikan sejarah sebagai panduan, menggalakkan pengusaha dan pengkarya seramik yang baru berusaha di dalam penciptaan-penciptaan yang baru dalam menghasilkan objek yang lebih kreatif dan memenuhi permintaan semasa. Analisis terhadap harga pasaran seramik, imej-imej yang digunakan, kreativiti penghasilan dan penerapan aspek-aspek estetika perlu dikaji dan dibincangkan untuk melahirkan generasi yang meminati seramik dan menjadikan bidang ini satu kerjaya yang berjaya.

### Rujukan

- Catalogue The 2<sup>nd</sup> International Ceramics Competition MINO, Japan. (1989). *International Ceramics Festival 1'98 Mino, Japan Executive Committee, Tajimi-City, Gifu Prefecture, Japan.*
- Catalogue The 5<sup>th</sup> International Ceramics Competition '98 MINO, Japan. (1998). *International Ceramics Festival 1'98 Mino, Japan Executive Committee, Tajimi-City, Gifu Prefecture, Japan.*
- Catalogue The 7<sup>th</sup> International Ceramics Competition MINO, Japan. (2005). *International Ceramics Festival Mino, Japan Executive Committee, Tajimi-City, Gifu Prefecture, Japan.*
- Catalogue The 8<sup>th</sup> International Ceramics Competition MINO, Japan. (2008). *International Ceramics Festival Mino, Japan Executive Committee, Tajimi-City, Gifu Prefecture, Japan.*
- Catalogue INAX 50 Objects from 1999 – 2005 (2005). JAPAN
- Evan, S (1991). *Contemporary Japanese Design*. Collins and Brown, Quarto Publishing
- Yenawine, P (1995). *Key art terms for beginners*. Harry N. Abrams, Inc, NY: A Time Mirror Company.
- The Japan Times. Accessed on 13 March 1999 from <http://www.e-yakimono.net/html/kawaguchi-jun-jt.html>

Ryota Aoki's New Ceramic Laboratory. Accessed on 4 November 2008 from <http://www.designboom.com>

Ikeda, Shoichi. Accessed on January 2012 from <http://www.scopus.com/authid/detail>

Free Form Ceramic Sculpture by Nakashima Harumi. Accessed on 22 November 2011 from <http://www.spoon-tamago.com>

Seni Seramik Tempatan Bertemu Asia Timur. Accessed on 23 Julai 2009 from [www.utusan.com.my/](http://www.utusan.com.my/)